

27 SEP 2001

Sarawak-Reaksi (Pemimpin)

PAK LAH UCAP TAHNIAH, KEMENANGAN BUKTI KEPERCAYAAN RAKYAT PADA BN

KUALA LUMPUR, 27 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengucapkan tahniah kepada Barisan Nasional (BN) Sarawak kerana kejayaannya dalam pilihan raya negeri itu hari ini.

Kemenangan itu menunjukkan bahawa BN telah bekerja keras dan mendapat kepercayaan rakyat di Sarawak, kata Abdullah yang kini berada di Jeddah, Arab Saudi kerana melakukan lawatan ke negara itu sejak Isnin lepas.

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi BN turut mengucapkan tahniah kepada calon-calon BN yang menang.

Beliau juga berkata BN dapat menjamin kemajuan untuk negeri Sarawak dan rakyat telah membuat pilihan yang bijak untuk membenarkan Sarawak diperintah oleh BN.

"Dengan mandat ini kerajaan BN negeri Sarawak akan dapat meneruskan program pembangunan bagi negeri Sarawak untuk menjamin kesejahteraan rakyat," katanya.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada rakyat Sarawak kerana telah memberi kepercayaan sekali lagi kepada BN.

Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob berkata kemenangan BN adalah berdasarkan keyakinan pengundi dan rakyat Sarawak kepada pucuk pimpinan BN.

"Saya percaya ini adalah respons dan penghargaan pengundi-pengundi kepada Tan Sri Abdul Taib Mahmud. Saya yakin pucuk pimpinan BN sekali lagi akan memberi kepercayaan kepada beliau untuk sekali lagi memimpin kerajaan BN di Sarawak," katanya ketika ditemubual RTM.

Khalil yang juga Setiausaha Agung Umno berkata pengundi telah membuat pilihan yang bijak sekali kerana parti-parti yang kurang diketahui di negeri itu tidak memenangi sebarang kerusi.

Beliau juga berharap keyakinan yang diberikan oleh pengundi akan memberi inspirasi baru kepada calon-calon BN yang menang untuk meneruskan khidmat kepada rakyat Sarawak.

Katanya, kemenangan BN di Sarawak daripada segi senario nasional secara keseluruhan adalah satu petanda yang baik untuk kerajaan BN di Malaysia.

"Saya harap seluruh dunia akan melihat dan merasa yakin dengan kepimpinan BN. Pilihanraya negeri Sarawak adalah kenyataan sebenar... dari segi kepimpinan, pemerintahan dan semangat kerajaan BN sendiri," katanya.

Mengulas mengenai kemenangan calon lawan di dua kawasan iaitu Kidurong (DAP) dan Meluan (Bebas) dan kegagalan calon-calon PAS, beliau berkata BN Sarawak sudah dijangka boleh mencapai kemenangan lebih daripada dua pertiga.

"Ini berpandukan kepada rekod perkhidmatan cemerlang Barisan Nasional di Sarawak yang payah dan sukar ditandingi oleh mana-mana pihak. Kita juga tahu wakil rakyat di sana sememangnya menjaga kawasan masing-masing.

"Paling menarik sekali ialah cara pemilihan waktu pilihanraya oleh Tan Sri Abdul Taib dan hal ini turut menyumbang kepada kemenangan BN," katanya.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu menganggap kemenangan BN sebagai hadiah penduduk Sarawak kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ini mengesahkan bahawa kepimpinannya sangat kukuh," katanya.

Samy yang juga Menteri Kerja Raya berkata penduduk di sana mahukan Dr Mahathir supaya lebih kuat, gembira dan terus sihat.

Samy juga mengucap tahniah kepada presiden PBB Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan menganggap beliau sebagai Ketua Menteri yang mencipta sejarah.

"Dia telah membawa Sarawak muncul sebagai sebuah negeri yang

indah...dia membawa banyak pembangunan. Kepimpinannya terbukti," katanya.

Samy berkata beliau gembira kerana BN semakin kuat di Sarawak.

Katanya, semua taktik kotor dan penipuan yang dilakukan oleh pembangkang di Sarawak telah ditolak oleh pengundi.

Setiausaha Agung Gerakan, Chia Kwang Chye berkata keputusan yang dibuat pengundi Sarawak adalah tepat dan ia akan menentukan masa depan negeri itu dan negara untuk terus menuju kemajuan.

"Keputusan memilih Barisan Nasional menunjukkan mereka bersifat positif," katanya.

-- BERNAMA

DC SHS KHY MOZ